

PEPERIKSAAN KEMASUKAN JUNIOR SATU (2021)

SEKOLAH MENENGAH YU YUAN

KERTAS BAHASA MALAYSIA

TARIKH: 10 SEPTEMBER 2020

MASA:

(1 JAM)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian.
2. Bahagian A merangkumi 30 soalan aneka pilihan. Murid-murid dikehendaki menjawab **semua** soalan.
3. Bahagian B merangkumi satu petikan dan dua soalan karangan. Murid-murid dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam petikan tersebut dan **satu** daripada soalan karangan.
4. Kertas soalan ini mengandungi **lapan** muka surat bercetak termasuk bahagian A dan bahagian B.
5. Kertas soalan ini **wajib** dikembalikan.

Jangan Buka Kertas Soalan Ini Sehingga Diberitahu

Nama : _____ ()

Sekolah : _____

Kelas : _____ ()

Bahagian A

SOALAN 1 HINGGA SOALAN 10

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- Beribu-ribu benih anak ikan dilepaskan di _____ itu.
A. ladang B. taman C. hutan D. tasik
 - _____ ialah pahlawan Melayu Melaka.
A. Bahasa Malaysia B. Profesor Razali
C. Hang Tuah D. Sultan Jalil
 - “_____ berjanji akan membangunkan kawasan ini,” titah Sultan Sulaiman.
A. Baginda B. Beta C. Hamba D. Patik
 - Puan Aminah sedang _____ bawang di dapur.
A. menumbuk B. memukul C. mengetuk D. memasak
 - Encik Mahendran berbual-bual dengan rakan sekerja _____ menanti kedatangan ketuanya untuk bermesyuarat.
A. sementara B. manakala C. jika D. kerana
 - Para pelancong _____ memilih untuk menaiki feri atau kapal terbang untuk ke Pulau Langkawi.
A. boleh B. mesti C. sudah D. belum
 - Pegawai Pelajaran Daerah itu memulakan ucapannya dengan se_____ pantun.
A. deret B. petak C. patah D. rangkap
 - Ramai murid tidak _____ pelajaran yang disampaikan oleh Cikgu Ali pada hari ini.
A. memahami B. mengenali C. menyedari D. menjumpai
- Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.
- Kita dapat memperoleh banyak **kebaikan** melalui aktiviti kokurikulum yang disertai.
A. panduan B. faedah C. ajaran D. didikan
- Pilih perkataan **berlawanan** bagi perkataan yang **bergaris**.
- Kesihatan datuk kembali **sihat** sejak keluar dari hospital.
A. sakit B. segar C. cerdas D. cergas

SOALAN 11 HINGGA SOALAN 15

Ayat-ayat yang berikut *mungkin betul* dan *mungkin salah*. Jika *terdapat kesalahan* itu telah ditandai dengan **A**, **B**, atau **C** dan jika *tiada kesalahan* telah ditandai dengan **D**. Pilih jawapan yang *paling sesuai*.

11. Amir sangat gembira kerana mendapat keputusan yang tidak begitu cemerlang dalam
A B C
UPSR. Tiada kesalahan.
D

12. Pengawas lelaki itu sering membawa buku panjang di dalam poket bajunya.
A B C
Tiada kesalahan.
D

13. Adik menggunakan pembaris untuk membuat garisan yang lurus. Tiada kesalahan
A B C D

14. Para pemain itu akan didenda jika mereka tidak menghadirkan sesi latihan pada
A B C
petang ini. Tiada kesalahan.
D

15. Masyarakat Malaysia telah menyedari kerana internet dapat dijadikan sumber
A B
pendidikan dalam kehidupan. Tiada kesalahan.
C D

SOALAN 16 HINGGA SOALAN 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan *perkataan yang berhuruf condong* dengan betul.

- 16.
- I. Rumah *lama* itu telah dirobuhkan.
 - II. Dia gemar menyimpan barang-barang *lama*.
 - III. Sudah *lama* dia menunggu kepulangan anaknya.
 - IV. Azmi berjalan dengan *lama* menuju ke bilik guru.

A. I dan II sahaja
C. I, II, dan III sahaja

B. III dan IV sahaja
D. II, III, dan IV sahaja

- 17.
- I. Letupan bom itu telah *makan* beberapa buah bangunan.
 - II. Muthu suka *makan* nasi lemak dan ayam goreng.
 - III. Kakak sekarang bekerja *makan* gaji dengan sebuah Syarikat di Kuala Lumpur.
 - IV. Pegawai yang *makan* suap itu telah ditangkap.
- A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II, dan III sahaja
D. II, III, dan IV sahaja

SOALAN 18 HINGGA SOALAN 19

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan **ayat yang dicetak tebal**.*

18. **Kecuaian manusia terutamanya pemandu kenderaan merupakan faktor utama terjadinya kemalangan jalan raya.**
- A. Kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap lalai manusia terutamanya para pemandu.
 - B. Pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya sering menyebabkan berlakunya kemalangan.
 - C. Kecuaian sewaktu di jalan raya telah meningkatkan kadar kemalangan dalam kalangan pengguna jalan raya.
 - D. Kemalangan jalan raya sering dikaitkan dengan sikap ingin berlumba-lumba di jalan raya.
19. **Hujan dijangka turun pada petang esok mengikut ramalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca.**
- A. Petang esok Jabatan Kaji Cuaca akan meramalkan keadaan hujan.
 - B. Jabatan Kaji Cuaca meramalkan bahawa hujan akan turun pada petang esok.
 - C. Pada petang esok, Jabatan Kaji Cuaca akan mengeluarkan ramalan tentang hujan.
 - D. Ramalan hujan pada petang esok, akan dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca.

SOALAN 20 HINGGA 21

Pilih ayat-ayat yang betul.

20.

- I. Dedaun pokok rambutan gugur di halaman rumah kami.
- II. Pakaian seragam pasukan bomba itu kemerah-merahan.
- III. Ahmad tidak mahu makan mi goreng di dalam pinggan itu apabila melihat sebiji lalat.
- IV. Ibu membeli sebungkus nasi lemak pada gerai Mak Minah.

- A. I dan II sahaja
- B. III dan IV sahaja
- C. I, II, dan III sahaja
- D. II, III, dan IV sahaja

21.

- I. Seekor tikus sedang bersembunyi di belakang almari itu.
- II. Kek yang dibuat oleh ibu sedap rasanya.
- III. Rumah Ali terletak di hujung jalan ini.
- IV. Seekor anak kucing kejatuhannya ke dalam longkang.

- A. I dan III sahaja
- B. II dan IV sahaja
- C. I, II, dan III sahaja
- D. II, III, dan IV sahaja

SOALAN 22 HINGGA SOALAN 23

*Sebahagian daripada ayat yang dicetak tebal mungkin mengandungi **kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**. Jika ada menganggap bahawa bahasa bahagian yang dicetak tebal itu salah dan perlu diubah, tandakan **A**, **B**, atau **C** dan jika **tiada kesalahan**, tandakan **D**.*

22. Pihak kerajaan telah menyediakan **bermacam kemudahan-kemudahan** untuk pembangunan pendidikan di Malaysia.

- A. bermacam-macam kemudahan-kemudahan
- B. bermacam-macam kemudahan
- C. bermacam kemudahan
- D. bermacam kemudahan-kemudahan

23. Kami bersetuju untuk **menghadiahkan kotak pensel kepada** adik sempena ulang tahun kelahirannya yang ke-7.

- A. menghadiahkan kotak pensel pada
- B. menghadiahkan kotak pensel kepada
- C. menghadiahi kotak pensel pada
- D. menghadiahi kotak pensel kepada

SOALAN 24 HINGGA SOALAN 25

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

24. Walaupun Ming dan abangnya bergaduh, namun demikian hubungan mereka seperti_____.
- A. ular kena palu
B. batu jatuh ke lubang
C. kacang lupakan kulit
D. air dicencang tidak akan putus
25. Abang Sofian _____ kerana kamera yang cuba dibaikinya tidak boleh digunakan lagi.
- A. bagai sikudung mendapat cincin
B. bagai anjing dengan kucing
C. bagai tikus membaiki labu
D. bagai kumbang putus tali

SOALAN 26 HINGGA SOALAN 30

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pergi sekolah selepas sarapan,
Membawa buku mencari ilmu;
Wahai kawan dengarlah pesanan,
Agar hidup selamat selalu.

Wahai kawan dengarlah pesanan,
Agar hidup selamat selalu;
Ke mana pergi menjadi teladan,
Disanjung orang setiap waktu.

Ke mana pergi menjadi teladan,
Disanjung orang setiap waktu;
Berbudi bahasa menjadi sanjungan,
Jadikan hiasan buat dirimu.

Berbudi bahasa menjadi sanjungan,
Jadikan hiasan buat dirimu;
Penuhi dada dengan bekalan,
Carilah ia dari gurumu.

Penuhi dada dengan bekalan,
Carilah ia dari gurumu;
Peliharalah kesucian dengan berkesan,
Banggakan ayah dan juga ibu.

Peliharalah kesucian dengan berkesan,
Banggakan ayah dan juga ibu;
Sekian sahaja pesananku teman,
Jadikan panduan ikutan bertalu.

独中初一

赶快来体验吧!








不满意不收费!





想要询问其他年级或更多有关免费试课的详情，欢迎联络我们(011-2818 3030)哟!
https://wa.link/l1h4e2?utm_medium=pdf&utm_source=pdf_ad&utm_campaign=cis_entrance_exam







30网校 buxi



如果这些考卷帮到您，


希望您也可以与我们分享所持有的考卷。





不管是入学考卷，还是其他年级的考卷，

我们都无任欢迎哦!



如果您有试卷想要提供，欢迎私信我们的面子书专页【[30网校](#)】，或者电邮至：hi@30.com.my

26. Puisi di atas berkaitan dengan
- A. Pantun jenaka
 - B. Pantun nasihat
 - C. Pantun orang tua
 - D. Pantun kasih sayang
27. Penyajak menunjukkan pantun tersebut kepada
- A. ibu bapanya
 - B. adik-adiknya
 - C. anak-anaknya
 - D. rakan-rakannya
28. Apakah maksud “*Jadikan panduan ikutan bertalu*” pada baris akhir puisi?
- A. Nasihat yang baik dijadikan amalan
 - B. Dengarlah selalu nasihat yang diberikan
 - C. Ikutlah segala panduan yang menjadi amalan
 - D. Amalkan apa-apa jua nasihat yang telah didengar
29. Selain dari budi bahasa dan ilmu, apakah lagi yang akan membanggakan ibu bapa?
- A. Menjaga maruah diri
 - B. Sentiasa menghias peribadi
 - C. Menjadikan kejayaan kebanggaan diri
 - D. Mendengar pesanan dan nasihat yang diberi
30. Semua pernyataan di bawah ini adalah maksud keseluruhan pantun di atas, **kecuali**
- A. Mencari ilmu adalah tanggungjawab setiap manusia
 - B. Pesanan dan nasihat yang baik patut dijadikan teladan
 - C. Kesempurnaan diri kunci utama kebahagiaan seseorang
 - D. Berbudi bahasa dan bersopan santun menjamin kejayaan.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu petikan dan dua soalan karangan. Jawab **semua** soalan dalam petikan tersebut dan **satu** daripada soalan karangan sahaja.

PETIKAN

SOALAN 1 HINGGA SOALAN 5

Baca petikan di bawah, kemudian tulis jawapan anda di kertas jawapan yang disediakan.

Program kitar semula telah mula mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Perkara ini dibincangkan dengan mendalam kerana kawasan pelupusan sampah sudah semakin terhad.

Kitar semula ialah proses pengeluaran bahan-bahan **terbuang** supaya dapat digunakan semula. Bahan-bahan yang boleh dikitar semula ialah kertas, tin minuman, botol, kaca dan plastik.

Bahan-bahan terbuang perlu dikumpulkan terlebih dahulu. Kemudian, bahan-bahan ini akan diasingkan mengikut jenisnya. Setelah diasingkan, bahan-bahan ini akan dihantar ke kilang-kilang untuk dikitar semula menjadi bahan baharu.

Kita dapat memelihara alam sekitar dengan mengitar semula bahan-bahan terbuang. Kita boleh mengurangkan sampah sarap yang semakin banyak dan mencemarkan alam sekitar. Kita juga dapat mengelakkan pembaziran dan kekotoran yang berlaku. Memandangkan tempat-tempat pelupusan sampah semakin mencemarkan alam sekitar, kita perlu menggalakkan penduduk agar mengasingkan bahan-bahan yang boleh dikitar semula.

Kini, di sekolah-sekolah telah diletakkan tong-tong khas yang berwarna jingga, coklat dan biru. Hal ini bagi menggalakkan murid-murid membuang bahan-bahan yang boleh dikitar semula di dalam tong tersebut.

1. Maksud perkataan **terbuang** dalam petikan ialah _____. (1 markah)
2. Program yang mendapat perhatian daripada pihak kerajaan ialah _____. (1 markah)
3. Nyatakan **dua** bahan yang boleh dikitar semula selain bahan yang telah disebutkan dalam petikan di atas. (2 markah)
4. Mengapakah bahan-bahan terbuang perlu diasingkan dan dihantar ke kilang? (2 markah)
5. Pada pendapat anda, apakah kesan buruk terhadap alam sekitar jika kawasan pelupusan sampah masih banyak yang dibuka? (4 markah)

KARANGAN

Anda dikehendaki menulis **satu** karangan berdasarkan tajuk atau gambar rajah yang terdapat di bawah. Panjang karangan anda hendaklah *tidak kurang daripada 80 patah perkataan*.

1. Pada Disember 2019, dunia telah dikejutkan dengan kemunculan virus COVID-19 yang menjangkiti manusia. Pihak kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Rakyat diminta untuk duduk di rumah sepanjang tempoh pelaksanaan PKP berkuatkuasa pada 18 Mac 2020.

Gambarkan pengalaman anda sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dijalankan.

2. Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar di bawah, bincangkan *Cara-cara mencegah jangkitan virus COVID-19*.

Cara-cara mencegah jangkitan virus -19



**Tutup mulut
ketika batuk / bersin**



Elak berkongsi makanan



**kekalkan pengaliran
udara yang baik**



Elakkan sentuhan



membasuh tangan dengan sabun

SKEMA PEPERIKSAAN KEMASUKAN JUNIOR SATU (2020)
SEKOLAH MENENGAH YU YUAN
KERTAS JAWAPAN BAHASA MALAYSIA

Bahagian A (Soalan Objektif)

- | | |
|---------------------|---------------------|
| 1. [A] [B] [C] [D] | 16. [A] [B] [C] [D] |
| 2. [A] [B] [C] [D] | 17. [A] [B] [C] [D] |
| 3. [A] [B] [C] [D] | 18. [A] [B] [C] [D] |
| 4. [A] [B] [C] [D] | 19. [A] [B] [C] [D] |
| 5. [A] [B] [C] [D] | 20. [A] [B] [C] [D] |
| 6. [A] [B] [C] [D] | 21. [A] [B] [C] [D] |
| 7. [A] [B] [C] [D] | 22. [A] [B] [C] [D] |
| 8. [A] [B] [C] [D] | 23. [A] [B] [C] [D] |
| 9. [A] [B] [C] [D] | 24. [A] [B] [C] [D] |
| 10. [A] [B] [C] [D] | 25. [A] [B] [C] [D] |
| 11. [A] [B] [C] [D] | 26. [A] [B] [C] [D] |
| 12. [A] [B] [C] [D] | 27. [A] [B] [C] [D] |
| 13. [A] [B] [C] [D] | 28. [A] [B] [C] [D] |
| 14. [A] [B] [C] [D] | 29. [A] [B] [C] [D] |
| 15. [A] [B] [C] [D] | 30. [A] [B] [C] [D] |

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu petikan dan dua soalan karangan. Jawab **semua** soalan dalam petikan tersebut dan **satu** daripada soalan karangan sahaja.

PETIKAN

SOALAN 1 HINGGA SOALAN 5

Baca petikan di bawah, kemudian tulis jawapan anda di kertas jawapan yang disediakan.

Program kitar semula telah mula mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Perkara ini dibincangkan dengan mendalam kerana kawasan pelupusan sampah sudah semakin terhad.

Kitar semula ialah proses pengeluaran bahan-bahan **terbuang** supaya dapat digunakan semula. Bahan-bahan yang boleh dikitar semula ialah kertas, tin minuman, botol, kaca dan plastik.

Bahan-bahan terbuang perlu dikumpulkan terlebih dahulu. Kemudian, bahan-bahan ini akan diasingkan mengikut jenisnya. Setelah diasingkan, bahan-bahan ini akan dihantar ke kilang-kilang untuk dikitar semula menjadi bahan baharu.

Kita dapat memelihara alam sekitar dengan mengitar semula bahan-bahan terbuang. Kita boleh mengurangkan sampah sarap yang semakin banyak dan mencemarkan alam sekitar. Kita juga dapat mengelakkan pembaziran dan kekotoran yang berlaku. Memandangkan tempat-tempat pelupusan sampah semakin mencemarkan alam sekitar, kita perlu menggalakkan penduduk agar mengasingkan bahan-bahan yang boleh dikitar semula.

Kini, di sekolah-sekolah telah diletakkan tong-tong khas yang berwarna jingga, coklat dan biru. Hal ini bagi menggalakkan murid-murid membuang bahan-bahan yang boleh dikitar semula di dalam tong tersebut.

1. Maksud perkataan **terbuang** dalam petikan ialah tidak digunakan. (1 markah)
2. Program yang mendapat perhatian daripada pihak kerajaan ialah kitar semula. (1 markah)
3. Nyatakan **dua** bahan yang boleh dikitar semula selain bahan yang telah disebutkan dalam petikan di atas. Terima mana-mana jawapan yang relevan. Aluminium / kotak minuman (2 markah)
4. Mengapakah bahan-bahan terbuang perlu diasingkan dan dihantar ke kilang?
Bahan-bahan terbuang perlu diasingkan dan dihantar ke kilang kitar semula untuk dikitar semula menjadi bahan baharu. (2 markah)
5. Pada pendapat anda, apakah kesan buruk terhadap alam sekitar jika kawasan pelupusan sampah masih banyak yang dibuka? Menyebabkan pencemaran bau hasil daripada bau busuk sampah / mendatangkan penyakit kepada penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan pelupusan sampah. (Mana-mana jawapan munasabah diterima) (4 markah)